



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 23 JULAI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Mampukah rakyat Malaysia 'berperang' kurangkan gula

KEMPEN 'Kurang Gula, Kurang Harga' yang akan dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak lama lagi sememangnya satu inisiatif sangat menarik.

Apatah lagi, selepas Naib Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Abdul Mukthahir M Ibrahim juga menyatakan sokongan menjayakan kempen tersebut dengan mengesahkan 3,500 rangkaian restoran di bawah Presma seluruh negara bersetuju menurunkan harga sebanyak 10 sen untuk minuman teh O dan kopi O tanpa gula.

Kempen tersebut, antara lain bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan amalan pemakanan sihat melalui pengurangan pengambilan gula dalam diet harian, di samping membantu mengurangkan kos rawatan dan perubatan susulan penyakit yang berpunca daripada tabiat pemakanan tidak sihat serta tidak seimbang terutama kandungan gula berlebihan.

Laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023 mendapati satu daripada enam orang dewasa atau 15.6 peratus daripada populasi orang dewasa di negara ini didiagnoskan sebagai penghidap penyakit diabetes. Malah, lebih membimbangkan Malaysia paling tinggi mempunyai penghidap kencing manis atau diabetes di Asia.

Persoalannya, mampukah objektif kempen 'Kurang Gula, Kurang Harga' benar-benar tercapai dan mencapai sasaran?

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga giat melancarkan kempen demi kempen 'berperang dengan gula' bagi mendidik rakyat mengurangkan pengambilan gula.

Hakikatnya, keberkesanan kempen seumpama ini sangat bergantung kepada sejauh mana rakyat Malaysia 'berjiwa kental' mahu mengurangkan 'keamanisan' dalam setiap pengambilan minuman atau makanan. Apatah lagi, penggunaan gula di negara ini seolah-olah sudah menjadi satu kemestian.

Justeru, semua kementerian dan agensi kerajaan perlu sama-sama memainkan peranan melaksanakan serta menjayakan kempen kurangkan gula. Janganlah hanya menyerahkan bulat-bulat peranan tersebut kepada KKM atau KPDN semata-mata.

Namun, paling penting adalah keazaman rakyat Malaysia. Marilah kita selangkah lebih sihat dengan mengurangkan pengambilan gula secara beransur-ansur dan hadkan juga minuman-minuman yang manis. Rajin-rajinlah baca label terutama kandungan gula dalam setiap barang yang dibeli.

Sentiasa ingat – kurangkan manis dalam minuman dan makan, lebihkan manis dalam senyuman.

Tawaran harga murah di Karnival Rakyat Karangkraf 2024

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Orang ramai berpeluang mendapatkan barang keperluan asas dengan penjimatan harga antara 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran menerusi Karnival Rakyat Karangkraf yang akan berlangsung pada 26 hingga 28 Julai ini di Dataran Karangkraf, Seksyen 15 di sini.

Ketua Seksyen Perdagangan Dalam Negeri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Selangor, Siti Rohani Omar berkata, antara barang yang ditawarkan pada karnival itu adalah ayam, ikan, daging, beras, minyak dan banyak lagi.

“Jualan Rahmah Madani ini merupakan langkah kerajaan khususnya KPDN untuk membantu golongan pendapatan rendah dan pertengahan. Jadi kita sertai karnival ini agar lebih ramai mendapat manfaatnya.

“Pada pandangan saya, Karnival Rakyat Karangkraf perlu diadakan lebih ker-



SITI R

內貿部：外國車添津貼油 油站沒警告車主違法

(吉隆坡22日讯)国内贸易及生活费部吉隆坡分局披露，网络上流传一辆外国车在我国油站添加RON95津贴汽油的热议视频，该部已追查到时间及地点，也确定该油站没警告或叮嘱外国车车主已违法。

此事在本月19日下午5时1分，在本查拉连贯公路(Penchala Link)(往西)的油站发生。一辆车牌为SGD3308X外国注册车牌的本田车辆车主当时添加RON95汽油，该车主给了油站收银员100令吉现款，并添加45令吉RON95汽油后(可能已打满)，返回油站内向收银员拿回零钱。

据知，当时有两名油站职员却没有对相关外国车主作出任何叮嘱或警告。因此，该油站已触犯1961年统治品法令第21条文，即违法售卖RON95汽油给外国注册车牌。同时也触犯1974年统治品条规第12A条文。

执法人员昨日下午5时30分已派出一队执法人员到该油站调查，并充公了付款收据机、

■贸消部执法人员到涉嫌出售RON95汽油给外国车的油站收集证据。



提取事发当时的闭路电视及商业文件，以协助调查此案。

根据统治品法令，一旦罪成，若是公司，将被罚款不超过200万令吉，若属于个人，刑罚为不超过100万令吉、监禁不超过3年或两者兼施，再次触犯刑罚为不超过300万令吉罚款、监禁不超过5年或两者兼施。

文告呼吁公众，若有任何关于油站违规情报，在课题引起热议前向该局举报，避免干扰调查，该局热线电话是1800-886-800。
(TKM)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 JULAI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Jul	Stesen minyak di hentian Sungai Bakap berdepan penalti hingga RM1 juta kerana kenderaan asing isi RON95	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1274744/stesen-minyak-di-hentian-sungai-bakap-berdepan-penalti-hingga-rm1-juta	BERITA HARIAN
23-Jul	KPDN P.Pinang siasat stesen minyak jual RON95 kepada kenderaan asing	https://malaysiaga-zette.com/2024/07/22/kpdn-p-pinang-siasat-stesen-minyak-jual-ron95-kepada-kenderaan-asing/	MALAYSIA GAZETTE
23-Jul	Stesen minyak jual RON95 kepada kenderaan Thailand diambil tindakan	https://www.buletintv3.my/nasional/stesen-minyak-jual-ron95-kepada-kenderaan-thailand-diambil-tindakan/	BULETIN TV3
23-Jul	Kurangkan gula: Fomca gesa libatkan KKM, KPM	https://www.sinarharian.com.my/article/676264/berita/laporan-khas/kurangkan-gula-fomca-gesa-libatkan-	SINAR HARIAN
23-Jul	Peniaga kantoi sorok gula dan minyak masak	https://malaysiaga-zette.com/2024/07/22/peniaga-kantoi-sorok-gula-	MALAYSIA GAZETTE
23-Jul	Peniaga enggan jual barang kawalan dikenakan tindakan	https://www.sinarharian.com.my/article/676401/berita/semasa/peniaga-enggan-jual-barang-kawalan-	SINAR HARIAN
23-Jul	KPDN KL siasat stesen minyak benar kenderaan asing isi RON95	https://www.utusan.com.my/berita/2024/07/kpdn-kl-siasat-stesen-minyak-benar-kenderaan-asing-isi-ron95/	UTUSAN MALAYSIA
23-Jul	Pemilik stesen minyak benar kenderaan asing isi RON95 disiasat	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1113999/pemilik-stesen-minyak-benar-kenderaan-asing-isi-	HARIAN METRO

23-Jul	KPDN siasat pemilik stesen minyak benar kenderaan asing isi RON95	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-siasat-pemilik-stesen-minyak-benar-kenderaaan-asing-isi-ron95/	BULETIN TV3
23-Jul	Tular jual RON95 kepada kereta asing, stesen minyak diambil tindakan	https://www.sinarharian.com.my/article/676415/berita/semasa/tular-jual-ron95-kepada-kereta-asing-stesen-minyak-diambil-tindakan	SINAR HARIAN
23-Jul	KPDN investigates viral incident of foreign car refuelling with RON95 petrol	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1080214/kpdn-investigates-viral-incident-foreign-car-refuelling-ron95-petrol	NEW STRAITS TIMES
23-Jul	Petrol station owner facing up to RM1 million penalty for allowing foreign-registered vehicle use RON95 petrol	https://thesun.my/local-news/petrol-station-owner-facing-up-to-rm1-million-penalty-for-allowing-foreign-registered-vehicle-use-ron95-petrol-EB12757333	THE SUN